

Kelaskan pengundi ikut umur, bukan kaum, PAS gesa SPR
Malaysian Insider
May 9, 2013
Oleh Zurairi AR

KUALA LUMPUR, 9 Mei — PAS menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) supaya mengasingkan pengundi berdasarkan umur, dan bukannya kaum, bagi menghentikan pertelagahan politik sehingga menimbulkan ketegangan perkauman pada masa hadapan.

Sehingga hari pengundian ketika Pilihan Raya 2013, statistik setiap kerusi yang dipertandingkan turut dimasukkan pecahan kaum pengundi di setiap kawasan berdasarkan kumpulan etnik.

“Sudah tiba masanya kita melaksanakan pembaharuan, dengan SPR mengeluarkan pecahan pengundi berdasarkan umur, dan jantina sebagai data rasmi yang diedarkan kepada media dan orang ramai,” kata Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

“Data pecahan kaum tidak perlu didedahkan kecuali ada keperluan untuk itu.”

Jelas Tuan Ibrahim, mengelaskan pengundi menggunakan umur dan jantina secara automatik akan memastikan kempen politik tidak melibatkan garisan perkauman, dan menghalang ahli politik daripada membakar sentimen perkauman dan agama.

Pilihan Raya 2013 pada 5 Mei lalu menyaksikan kerajaan Barisan Nasional (BN) kembali mengekalkan kuasa namun dengan jumlah majoriti lebih kecil berbanding Pilihan Raya 2008 apabila mereka hanya memenangi 133 kerusi Parlimen berbanding Pakatan Rakyat (PR) yang memperolehi 89 kerusi daripada 222 keseluruhan kerusi yang dipertandingkan.

Selepas kemenangan BN, Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak menggunakan perkataan “tsunami Cina” merujuk kepada keputusan pilihan raya dan sekiranya tidak ditangani dengan betul keadaan negara akan bergolak.

Ibarat mencurahkan minyak ke dalam api, akhbar milik Umno Utusan Malaysia menyiarkan tajuk utama pada Selasa “Apa lagi Cina mahu?” yang mendapat perhatian di laman sosial.

Akhbar itu terus menerima kecaman daripada pengguna laman sosial termasuk pemimpin politik serta menggesa Najib dan Umno mengambil tindakan kerana membenarkan berita sedemikian diterbitkan.

Najib juga turut mempertahankan akhbar berkenaan, serta menyalahkan DAP, apabila berkata parti majoriti Cina itu menimbulkan polarisasi kaum dengan membuatkan mereka berfikir dengan mengundi DAP mereka akan berjaya mengubah kerajaan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kelaskan-pengundi-ikut-umur-bukan-kaum-pas-gesa-spr/>

